

27/05/1999

Duta sampaikan anugerah kepada Ahmad Kamil

KUALA LUMPUR, Rabu - Hubungan baik Malaysia-Perancis tidak mungkin dapat dijalin tanpa wawasan dan komitmen Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Wakil Khas Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar, yang menerima Legion d'Honneur, anugerah tertinggi kerajaan Perancis, berkata: "Kedua-dua pemimpin juga menyedari keperluan membanteras amalan manipulasi mata wang oleh pihak tertentu dan kepentingan mengambil langkah segera dapat mengakhiri kemelut ekonomi yang melanda rantau Asia.

"Matlamat dan wawasan kedua-dua pemimpin ini wajar dijadikan contoh," katanya pada majlis penyampaian anugerah itu di kediaman rasmi Duta Besar Perancis ke Malaysia, Xavier Driencourt di sini, hari ini.

Driencourt menyampaikan anugerah itu yang membawa gelaran Commandeur (Pemerintah).

Turut hadir, pada majlis itu isteri Ahmad Kamil, Puan Sri Lena Kamil, bekas Menteri Luar, Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad.

Ahmad Kamil yang menyertai Kementerian Luar pada 1961 dan bersara pada 1996, juga pernah menerima 'Ordre National du Merite', juga daripada kerajaan Perancis pada 28 Februari tahun lalu. Legion d'Honneur diwujudkan Napoleon Bonaparte pada 1802.

Menurut Driencourt, Ahmad Kamil menerima anugerah itu kerana sumbangan beliau kepada sektor perkhidmatan awam negara.

Beliau berkata, Ahmad Kamil turut melaksanakan pelbagai program bersama bagi merapatkan hubungan dua hala Malaysia-Perancis.

"Kebanyakan polisi luar kedua-dua kerajaan bersabit isu antarabangsa yang hampir sama turut menjadi asas utama Malaysia dilantik menyertai Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

(END)